

Melayu lihat daftar mengundi

Sinar 13/2/2012 • MS 8.

Hebat berpolitik tetapi ramai gagal laksanakan tanggungjawab sebagai pemilih



MUKADIMAH

Pendedahan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar bahawa orang Melayu dikesan paling ramai tidak mendaftar sebagai pengundi, walaupun layak berbuat demikian adalah sesuatu mendukacitakan. Berdasarkan kajian SPR, orang Melayu memandang remeh perkara itu dengan memberi pelbagai alasan. Angka diberi agak mengejutkan kerana hampir 2.1 juta orang Melayu masih liat untuk mendaftar sebagai pemilih.

Apakah orang Melayu hanya bijak berpolitik, tetapi 'malas' untuk mengundi pada pilihan raya? Kita perlu faham setiap undi adalah amat penting dalam menentukan corak pentadbiran negara. Jangan sampai kita hanya pandai bersorak di majlis-majlis politik, tetapi apabila pilihan raya kita hanya menjadi pemerhati sahaja. Lebih penting daripada itu, orang Melayu perlu memahami bahawa jika mereka ingin mempertahankan apa yang termaktub dalam Perlembagaan maka mereka perlu menjadi pengundi.

BICARA ISNIN minggu ini, mengupas permasalahan tersebut, tetapi pada masa sama mengharapkan orang Melayu khususnya golongan muda segera sedar mengenai tanggungjawab mereka sebagai pemilih.

SHAH ALAM - Sikap tidak ambil peduli dan memandang remeh kepentingan mendaftar sebagai pemilih, walaupun layak berbuat demikian antara alasan ramai orang Melayu gagal melaksanakan hak dan tanggungjawab pada pilihan raya umum.

Timbalan Pengerusi SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata, tinjauan SPR mendapati orang Melayu dan Bumiputera berusia 21 tahun ke atas di negara ini, lebih sibuk dengan urusan sendiri sehingga tidak ambil peduli mengenai pendaftaran sebagai pemilih.

"Perkara ini membabitkan 2.1 juta membabitkan orang Melayu dan bumiputera. Mereka mengatakan itu dan ini berkaitan pilihan raya.

"Mereka bercerita soal demokra-

si dan sebagainya, tetapi jika dilihat kepada jumlah yang dikenal pasti SPR ini, ternyata ramai tidak ambil peduli, sedangkan SPR banyak melakukan hebahhan supaya mendaftar sebagai pemilih," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, menerusi kajian sikap pada 2006, mereka berusia 21 tahun ke atas lebih sibuk dengan urusan peribadi termasuk hal kerjaya.

"Berdasarkan tinjauan, jawapan maklum balas paling tinggi diperoleh daripada responden ialah, mereka tiada masa untuk mendaftar kerana sibuk dengan karier.

"Daripada hasil tinjauan tersebut, kita sudah tahu masalah utama adalah berpunca daripada sikap me-

INFO

Pendaftaran pemilih 2011

1. Suku pertama: 301, 171 pemilih
2. Suku kedua: 290, 530 pemilih
3. Suku ketiga: 245, 334 pemilih
4. Suku keempat: 296, 672 pemilih (proses dipamer)

(Sumber: SPR)

reka sendiri," katanya.

Selain sikap, Wan Ahmad berkata, kajian menunjukkan ramai memberikan alasan tidak tahu cara dan tempat untuk membuat pendaftaran.

"Hasil kajian sikap yang dibuat pada 2006 itu, masih relevan walaupun sudah lebih lima tahun berlalu. Ini kerana, SPR telah melaksanakan sistem mendaftar

STATISTIK WARGANEGARA BERUMUR 21 TAHUN DAN KE ATAS YANG TELAH MENDAFTAR DAN BELUM MENDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA (SPR)

(Daftar pemilih terkini sehingga suku ke-3 (2011))

BIL	NEGERI	Bilangan 21 tahun dan ke atas sehingga Disember 2011	Bilangan telah mendaftar
1	PERLIS	156,150	130,294
2	KEDAH	1,228,819	980,492
3	KELANTAN	1,031,052	839,572
4	TERENGGANU	653,684	603,641
5	PULAU PINANG	960,922	803,304
6	PERAK	1,679,217	1,348,944
7	PAHANG	850,665	698,473
8	SELANGOR	2,541,918	1,874,042
9	WP KUALA LUMPUR	1,164,230	757,252
10	WP PUTRAJAYA	20,666	10,612
11	NEGERI SEMBILAN	645,816	518,320
12	MELAKA	489,096	419,175
13	JOHOR	2,010,599	1,499,997
14	WP LABUAN	33,863	23,237
15	SABAH	1,194,223	882,339
16	SARAWAK	1,470,651	1,010,743
JUMLAH BESAR		16,131,571	12,400,437

yang mudah tetapi mengapa masih ramai belum mendaftar. Oleh itu, kita kembali kepada budaya sikap tadi," ujar beliau.

Menurutnya, 'sehingga Disember 2011, jumlah penolong pendaftar bagi wakil parti politik berjumlah 5,720, wakil jabatan 3,321, wakil pertubuhan 910, wakil universiti 253 dan pejabat pos 702 di seluruh negara.

"Banyak saluran mendaftar disediakan dan SPR sendiri bergerak di setiap tempat strategik bagi memudahkannya orang ramai mendaftar.

Dengan keadaan politik semasa, senario itu sepatutnya mampu memberi kesedaran untuk mengundi, tetapi golongan muda pula masih ramai belum mendaftar. Saya

tegaskan, majoriti atau 60 peratus yang tidak mendaftar ini adalah mereka yang di bawah 40 tahun," katanya.

Beliau menegaskan, tidak guna bercakap soal politik sekiranya mereka yang layak untuk mendaftar pemilih tidak berbuat demikian dan akhirnya menjadi pemerhati pada pilihan raya kerana tidak layak membuang undi.

"Kita memang tidak boleh membuat pendaftaran secara automatik kerana kita perlu kembali kepada syarat kelayakan mengundi. Kaedah automatik tidak praktikal kerana SPR perlu cari mereka yang tidak layak antaranya seperti gila, mufliis, dan syarat lain, termasuk individu yang meninggal dunia," katanya.